

Pelajar UMT dibelasah dengan kayu

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN | 19 Disember 2024, 3:49 pm



Gambar hiasan

KUALA TERENGGANU – Siasatan awal polis mendapati sebatang kayu digunakan oleh 12 pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk membelasah rakan sekampus mereka di dalam kolej kediaman pelajar pada Ahad lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mohd. Khairi Khairudin berkata, ia berpunca daripada perbuatan tuduh-menuduh antara mangsa dan kesemua suspek dan motif pertengkaran masih dalam siasatan.

"Mangsa yang berusia 20 tahun sedang menerima rawatan di wad Hospital Sultanah Nur Zahirah di sini dan keadaannya kini dilaporkan stabil.

"Doktor perubatan yang merawatnya mengesahkan mangsa tidak mengalami sebarang kecederaan organ dalaman mahupun patah tulang," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu di sini hari ini.

Kosmo! Online semalam melaporkan 12 pelajar UMT berusia antara 20 hingga 22 tahun ditahan reman selama empat hari sehingga lusa bagi membantu siasatan membelaah rakan sekampus mereka di dalam kolej kediaman. – KOSMO! ONLINE